

Projek Kota MADANI selesai isu asas rakyat, bukan tonjol gah

● Projek Kota MADANI digerakkan sendiri oleh Perdana Menteri dengan pemantauan rapi dan dilaksanakan tanpa beban kewangan kepada kerajaan melalui kerjasama awam-swasta

● Kota MADANI menyasarkan rumah penjawat awam, kemudahan pendidikan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), masjid, klinik, mobiliti pintar dan pembangunan rendah karbon



Oleh Bhatti Abdul Rasool
bhrencana@bh.com.my

Pengerusi
Pertubuhan
Minhaj-ul-Qur'an
International (MQI)
Malaysia

Projek Kota MADANI diluncurkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Khamis lalu adalah satu projek istimewa kerana ia lahir daripada pemikiran beliau sendiri, diiringi arahan supaya prosesnya dipercepat, dipantau sendiri beliau dan dibangunkan dengan roh falsafah Timur dan Barat, Ibnu Khaldun dan Mark Twain.

Seperti dimaklumkan, idea pembangunan Kota MADANI ini sangat bermakna kerana ia datang daripada perbincangan santai Perdana Menteri bersama pegawai Perbadanan Putrajaya dan Putrajaya Holdings dalam satu majlis di Putrajaya beberapa bulan lalu.

Dari detik itulah, benih gagasan ini ditanam, dibantu Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Putrajaya Holdings yang berjaya 'menangkap' serta memperkembangkan idea ini dengan pantas, manakala beliau sendiri pula mempercepatkan peluncurannya.

Hal ini menunjukkan betapa inisiatif ini bukan hasil perancangan birokratik semata-mata, tetapi buah fikiran daripada pemimpin kerajaan memahami denyut nadi rakyat dan keperluan masa depan bandar serta disambut pegawai.

Perdana Menteri berkali-kali menegaskan segala urusan berkaitan projek ini mesti dipercepatkan.

"Kalau siap tiga bulan, saya kata mengapa tidak boleh sebulan?" kata beliau, menggambarkan keinginan untuk mempercepatkan pembangunan tanpa menjejaskan mutu.

Malah, dalam Mesyuarat Jemaah Menteri Rabu lalu, beliau menggesa semua urusan yang biasanya memakan masa berbulan dapat diselesaikan dalam masa berminggu. Arah tuju ini membuktikan keazaman kerajaan untuk berkhidmat secara responsif dan efisien.

Perdana Menteri juga menyatakan secara terang dan terbuka beliau sendiri akan memantau pembinaan Kota MADANI ini. Bahkan, beliau me-

mintakan laporan kemajuan disediakan setiap bulan oleh Presiden PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud. Inilah contoh gaya kepemimpinan turun padang sudah lama ditunjukkan Perdana Menteri.

Kota MADANI juga sangat menarik kerana ia diasaskan atas unsur falsafah tinggi melalui pemikiran Muqaddimah oleh Ibnu Khaldun. Tamadun (Umrān Hadhari) sememangnya bermula dari kota, bukan sekadar tempat tinggal, tetapi sebagai pusat idealisme, pendidikan, pembangunan sosial dan teknologi serta lambang semangat kolektif masyarakat.

Pada masa sama, pandangan Ibnu Khaldun ini diimbangkan dengan petikan terkenal daripada Mark Twain bahawa sebuah kota boleh sahaja moden dan gah, tetapi tetap *culturally barren* jika tandus aspek budaya dan jati diri.

Oleh itu, Kota MADANI cuba menggabungkan keindahan seni bina, kelestarian teknologi dan kekayaan budaya secara seimbang yang ini adalah satu perkara jarang dijumpai dalam bandar

moden yang dimaksudkan sebagai mercu tanda semata.

Jelas, Perdana Menteri tidak mengidolakan pembangunan fizikal semata-mata, bukan seperti didakwa sesetengah pengkritik. Bagi beliau, Malaysia sudah cukup dengan mercu tanda sedia ada seperti Merdeka 118 dan Menara Berkembar Petronas.

Oleh itu, Kota MADANI bukan dibina untuk menonjol gah, tetapi menyelesaikan masalah asas rakyat, menyediakan rumah mampu milik kepada penjawat awam, sekolah, masjid, dewan dan kemudahan berjalan yang menghubungkan seluruh komuniti. Semua dalam satu pelan bandar manusia.

Benar projek ini menelan belanja RM4 bilion, namun soal kos tidak harus menjadi isu apabila hasilnya menyentuh kepentingan rakyat secara langsung. Seperti ditegaskan Perdana Menteri: "Ini projek rakyat, bukan projek megah atau projek untuk sakau."

Pembangunan berprinsip, junjung nilai amanah

Kenyataan ini satu tamparan kepada budaya lama projek mega sering kali berkait dengan rasuah dan penyelewengan. Beliau mahu budaya itu dihentikan dan diganti dengan pembangunan berprinsip yang menjunjung nilai amanah dan keadilan sosial.

Seperti dimaklumkan, Kota MADANI tidak membabitkan sebarang peruntukan langsung daripada belanjawan kerajaan. Projek ini dijalankan di bawah model bina-pajak-senggara-pindah (BLMT) yang risiko pembangunan, kos pembinaan dan penyelenggaraan ditanggung sepenuhnya oleh pemaju, iaitu Putrajaya Holdings, selama 25 tahun.

Selepas tempoh 25 tahun barulah pemilikan diserahkan semula kepada kerajaan. Ini adalah bentuk kerjasama awam-swasta moden yang diamalkan di seluruh dunia untuk memastikan kerajaan tidak terbeban dengan kos permulaan besar sambil mempercepatkan penyediaan keperluan asas yang kritikal, yang dapat dilihat melalui lebih 17,000 permohonan kuarters penjawat awam belum dipenuhi kerana kekurangan unit sedia ada.

Malah, Kota MADANI bukan hanya menasaskan rumah penjawat awam. Ia juga akan merangkumi kemudahan pendidikan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), masjid, klinik, mobiliti pintar dan pembangunan rendah karbon. Ini selari dengan keperluan bandar masa depan yang bukan sekadar membina bangunan konkrit tetapi membina komuniti berintegrasi, inklusif dan mampan.

Gagasan Kota MADANI ini menekankan pembinaan masyarakat bukan sahaja makmur secara fizikal, tetapi juga bermaruah, berbudaya dan penuh dengan semangat kolektif yang luhur.

Projek ini bukan sahaja satu usaha pembangunan fizikal, tetapi sebuah manifestasi kesungguhan pemimpin dalam menzahirkan keprihatinan kepada rakyat dengan cara berstrategi, bersih dan berorientasikan masa depan.

Lebih banyak institusi, pertubuhan dan tokoh masyarakat patut berganding bahu menyokong visi ini demi manfaat semua lapisan masyarakat Malaysia.

“Kota MADANI cuba menggabungkan keindahan seni bina, kelestarian teknologi dan kekayaan budaya secara seimbang yang ini adalah satu perkara jarang dijumpai dalam bandar moden yang dimaksudkan sebagai mercu tanda semata”

